

# AXCEL DEXCHLORPHENIRAMINE FORTE SYRUP

Dexchlorpheniramine Maleate (2mg/5ml)

## APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI

1. Apakah Kegunaan Axcel Dexchlorpheniramine Forte Syrup.
2. Bagaimana Axcel Dexchlorpheniramine Forte Syrup Berfungsi.
3. Sebelum Mengambil Axcel Dexchlorpheniramine Forte Syrup.
4. Cara Menggunakan Axcel Dexchlorpheniramine Forte Syrup.
5. Semasa Menggunakan Axcel Dexchlorpheniramine Forte Syrup.
6. Kesan- Kesan Sampingan.
7. Cara Penyimpanan Dan Pelupusan Axcel Dexchlorpheniramine Forte Syrup.
8. Maklumat Lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## APAKAH KEGUNAAN AXCEL DEXCHLORPHENIRAMINE FORTE SYRUP

Axcel Dexchlorpheniramine Forte Syrup digunakan untuk merawat alergi termasuk:

- Demam yang disebabkan oleh debuan
- Urtikaria (ruam gatal yang timbul pada kulit akibat tindak balas alahan)
- Angioedema (kebengkakan dalam kulit)
- Rinitis vasomotor (radang pada membran di dalam hidung yang bukan disebabkan oleh alergi)
- Alergi ekzema (keradangan kulit)
- Dermatitis (keradangan kulit) atopi dan sentuhan
- Reaksi ubatan dan serum
- Gigitan serangga
- Kegatalan

## BAGAIMANA AXCEL DEXCHLORPHENIRAMINE FORTE SYRUP BERFUNGSI

*Dexchlorpheniramine Maleate* adalah alkylamine derivatif yang mempunyai kesan antihistamina dan antikolinergik. Histamina adalah sejenis bahan yang dihasilkan oleh badan yang terikat dengan reseptor H1 sebagai sebahagian daripada tindakan sistem pertahanan badan. Ikatan antara histamina dan reseptor H1 menghasilkan tindak balas alergi. *Dexchlorpheniramine Maleate* menghalang tindakan histamina dengan menghalang histamina daripada terikat dengan reseptor H1. Walau bagaimanapun, ia tidak menghalang penghasilan histamina. Penentangan ini adalah jenis bersaing dan berbalik.

## SEBELUM MENGAMBIL AXCEL DEXCHLORPHENIRAMINE FORTE SYRUP

### Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergi atau hipersensitif terhadap antihistamina.
- Jika anda menerima terapi *monoamine oxidase inhibitor* (MAOI).
- Jika pesakit adalah bayi baru lahir dan pramatang.
- Jika kanak-kanak lebih muda daripada 2 tahun.

### Sebelum mula mengambil

Sebelum anda mengambil Axcel Dexchlorpheniramine Forte Syrup anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda mempunyai glaukoma sudut sempit (peningkatan tekanan dalam mata), asma bronkial (penyakit kronik radang saluran pernafasan), hipertiroidisme (peningkatan paras hormon tiroid), penyakit kardiovaskular (jantung), dan

hipertrofi prostat (pembesaran kelenjar prostat).

- Jika anda hamil, menyusukan bayi, bayi baru lahir dan pramatang.

### Jika mengambil ubat- ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain.

- Ubatan ototoksik (ubat yang boleh merosakkan telinga) seperti antibiotik aminoglikosida.
- Depresi Sistem Saraf Pusat seperti alkohol, barbiturat, ubat pelena, analgesik narkotik, sedatif dan ubat penenang.
- Perencat *Monoamine oxidase* (antikemurungan).

## CARA MENGGUNAKAN AXCEL DEXCHLORPHENIRAMINE FORTE SYRUP

### Berapa banyak harus digunakan

Untuk digunakan secara oral sahaja.

#### *Dewasa:*

2.5-5 ml (1-2 mg), setiap 4 - 6 jam, sehingga maksimum 30 ml (12 mg) / 24 jam.

#### *Kanak-kanak:*

6 - 12 tahun; 2.5 ml (1 mg), setiap 4 - 6 jam, sehingga maksimum 15 ml (6 mg) / 24 jam.

### Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatian.
- Iikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

# AXCEL DEXCHLORPHENIRAMINE FORTE SYRUP

Dexchlorpheniramine Maleate (2mg/5ml)

## Jika terlupa menggunakan

- Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.
- Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.
- Jangan menggandakan sukatan kerana Axcel Dexchlorpheniramine Forte Syrup mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

## Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Keterujaan, berlaku terutamanya terhadap kanak-kanak.
- Konvulsi
- Tekanan darah rendah.

Anda adalah dinasihatkan untuk menghubungi dan memaklumkan doktor anda jika anda mengambil Axcel Dexchlorpheniramine Forte Syrup berlebihan.

## **SEMASA MENGGUNAKAN AXCEL DEXCHLORPHENIRAMINE FORTE SYRUP**

### Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang mesti dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan doktor anda jika tanpa diduga anda perlu mengambil ubat lain.
- Ambil Axcel Dexchlorpheniramine Forte

Syrup mengikut dos yang disarankan.

- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axcel Dexchlorpheniramine Forte Syrup lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan guna melebihi dos yang disarankan pada setiap satu masa pengambilan.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

- Hindari penggunaan berterusan dengan dos tinggi.
- Jangan memandu atau mengendalikan mesin jika berasa mengantuk selepas mengambil Axcel Dexchlorpheniramine Forte Syrup.

## **KESAN- KESAN SAMPINGAN**

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Dexchlorpheniramine Forte Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan umum berikut telah dilaporkan:

### Kesan sampingan sangat umum:

- Kesan sedasi, daripada rawatan ubat pelali, dari mengantuk hingga tidur nyenyak termasuk kesukaran untuk menumpukan perhatian.
- Kelesuan.
- Kepeningan.
- Tekanan darah rendah yang tidak normal.
- Kelemahan otot dan ketidakseimbangan.

### Kesan sampingan umum:

- Gangguan gastrousus seperti rasa loya, muntah-muntah, cirit-birit atau sembelit, sakit perut, sakit ‘epigastric’.
- Sakit kepala.
- Kekaburuan penglihatan.
- Tinitus (bunyi di dalam telinga seperti bunyi berdering).
- Keriangan atau kemurungan.
- Kerengsaan.
- Mimpi buruk.
- Hilang selera makan
- Kesukaran membuang air kencing.
- Kekeringan mulut.
- Keadaan ketat di bahagian dada
- Berasa seperti digigit dan dicucuk.
- Keadaan berat dan lemah tangan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers -> reporting*).

## **CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN AXCEL DEXCHLORPHENIRAMINE FORTE SYRUP**

### Penyimpanan

Jauhkan Axcel Dexchlorpheniramine Forte Syrup dari jangkauan kanak-kanak.

Simpan di bawah 30°C.

Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

### Pelupusan

Jangan guna Axcel Dexchlorpheniramine Forte Syrup yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak

# AXCEL DEXCHLORPHENIRAMINE FORTE SYRUP

*Dexchlorpheniramine Maleate (2mg/5ml)*

---

diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## MAKLUMAT LANJUT

### Rupa dan warna produk

Axcel Dexchlorpheniramine Forte Syrup merupakan sirap berwarna merah dan berperisa strawberi.

### Bahan- bahan kandungan

#### Bahan Aktif:

*Dexchlorpheniramine Maleate*

#### Bahan-bahan Tidak Aktif:

*Purified Water, Sodium Benzoate, Methylparaben, Refined Sugar, Xanthan Gum, Ponceau 4R, Strawberry Flavor dan Propylene Glycol.*

### Nombor MAL

MAL19984387A

## PENGILANG DAN PEMEGANG

## PENDAFTARAN PRODUK

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD

No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## TARIKH KEMASKINI RIMUP

02/03/2015

## NOMBOR SIRI

BPFK(R4/1)200115/00020